



KENYATAAN MEDIA

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT TAWAR MORATORIUM SEHINGGA ENAM BULAN KEPADА MANGSA BANJIR

Kuala Lumpur, 9 Januari, 2021 - Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) hari ini menawarkan Tempoh Bayaran Moratorium (MPP) sehingga enam bulan untuk semua kemudahan pembiayaannya kepada individu dan perniagaan di kawasan yang dilanda banjir. MPP tersedia untuk pelanggan yang layak mulai hari ini hingga 28 Februari 2021.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin berkata, Bank Muamalat prihatin terhadap kesejahteraan pelanggannya yang terjejas susulan keadaan banjir yang berlarutan yang menyebabkan ribuan mangsa terpaksa dipindahkan, ladang musnah dan peniaga terpaksa menutup sementara operasi perniagaan. Oleh yang demikian, Bank Muamalat menawarkan moratorium sehingga enam bulan kepada pelanggan, dengan menilai setiap permohonan berdasarkan keperluan setiap kes.

Inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Bank Muamalat. Sebelum ini, Bank Muamalat telah menawarkan bantuan yang serupa kepada pelanggannya yang terjejas akibat banjir di Pulau Pinang dan Kedah pada 2017.

"Kami memahami bahawa ramai pelanggan sedang menghadapi masalah kewangan akibat pandemik COVID-19 yang melanda negara ini, dan keadaan banjir ketika ini semakin membebankan mereka. Oleh itu, Bank akan terus menghubungi pelanggan yang terjejas melalui pelbagai platform media sosial untuk memastikan mereka mendapat penangguhan dalam kewajipan kewangan mereka pada waktu yang sukar ini," kata Khairul.

Pelanggan yang ingin memohon bantuan perlu menyediakan bukti berdokumen yang berkaitan seperti foto dan pengesahan dari pihak berkuasa tempatan.

Pelanggan yang mengikuti program bantuan bayaran ketika ini yang dikenal pasti sebagai "Bantuan Bayaran Bersasar" (TPA) atau "Penambahbaikan Bantuan Bayaran Bersasar" (ETPA) layak untuk memohon dan MPP menggantikan program sedia ada.

Untuk maklumat lanjut, pelanggan boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 03-2600 5500.

TAMAT

For media enquiries, please contact:

Saidatul Leiza Suleiman: +6011 1061 5266 | leiza@muamalat.com.my



BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD 196501000376 (6173-W)

Ibu Pejabat, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur
Laman Web : www.muamalat.com.my Tel : 03 2600 5500



Ahli kumpulan
DRB-HICOM